

17 MAR 2000

Koh - Laluan

PEMBINAAN LALUAN KEDUA TIDAK AKAN MENYEBABKAN KESESAKAN, KATA KOH

PULAU PINANG, 17 Mac (Bernama) -- Pembinaan laluan kedua menyambung Pulau Pinang dan tanah besar di Seberang Perai yang dijangka bernilai hampir RM2 bilion tidak akan menyebabkan kesesakan jalan raya di pulau itu.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata laluan kedua itu akan dibina serentak dengan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) dan Lebuh Raya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR).

Dengan pembinaan ketiga-tiganya pada masa yang sama, sistem lalulintas akan lebih teratur dan sistematik, katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan warisan yang dinamakan "8 Row" di sini.

Koh berkata kerajaan akan memperkenalkan pengurusan dan kawalan trafik lain termasuk untuk memperbaiki pengangkutan awam, kerana Laluan Kedua serta BORR dan PORR akan mengambil masa yang lama untuk disiapkan.

"Kami akan biarkan Kerajaan Persekutuan membuat perancangan dan pelaksanaan perkara itu," katanya.

Menurut laporan akhbar, laluan kedua yang dicadangkan itu dalam bentuk jambatan dan terowong akan menghubungkan Bagan Jermal di pulau dan Bagan Ajam di Seberang Perai.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dipetik sebagai berkata kerajaan perlu merancang segera laluan kedua kerana jumlah kenderaan yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang yang ada sekarang hampir mencapai tahap kapasitinya.

Sementara itu, Koh berkata perbuatan kakitangan bank mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan boleh mengurangkan keyakinan orang ramai dan pelabur terhadap sistem perbankan negara ini.

Katanya, jika mereka boleh melakukannya terhadap kerajaan, kemungkinan ini akan juga berlaku kepada syarikat swasta, termasuk juga syarikat antarabangsa.

"Ini aspek penting," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ada kakitangan bank tertentu mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan untuk memburukkan kerajaan.

Koh berkata, etika dan cara kerja adalah penting, walaupun ada antara mereka yang sokong pembangkang.

"Ada yang undi pembangkang...itu tidak jadi hal, tetapi mereka (mesti) jalankan tugas secara profesional mengikut etika kerja," katanya.

-- BERNAMA

AHM MAI